

SKIM GA MYBRAIN15

1. KRITERIA SKIM PEMBANTU SISWAZAH (GA) MYBRAIN15

- (a) Pemberian elaun RM 1800.00 sebulan dan pengecualian yuran pengajian bagi pelajar ijazah Doktor Falsafah (Ph.D). Kategori ini juga selaras dengan program MyBrain15 yang dicadangkan oleh KPTM untuk mencapai bilangan 60,000 lulusan ijazah Doktor Falsafah tempatan pada tahun 2023.
- (b) Dikecualikan yuran pengajian sahaja. Pelajar masih perlu membayar yuran lain-lain seperti:
 - (i) Yuran Kesihatan
 - (ii) Yuran kemudahan Perpustakaan
 - (iii) Yuran kemudahan makmal
 - (iv) Pemeriksaan Tesis
- (c) Tempoh pembiayaan adalah secara tahunan dan berdasarkan pencapaian pelajar yang tidak melebihi 3 tahun.
- (d) Pelajar disyaratkan membentangkan sekurang-kurangnya 5 kertas penyelidikan di persidangan yang berprestij (*cited by Scopus*), **atau** Menerbitkan 3 kertas penyelidikan di dalam jurnal berwasit atau 2 jurnal berwasit (ISI- Index), **atau** Gabungan kertas penyelidikan di dalam jurnal, persidangan dan lain-lain yang setaraf.
- (e) Calon boleh terdiri dari pelajar UniMAP sendiri atau bukan pelajar UniMAP yang akan mengikuti pengajian Ph.D di UniMAP.
- (f) Selepas tamat pengajian (3 tahun tempoh GA) dan berjaya mendapat Ph.D, calon perlu berkhidmat selama 3 tahun sebagai pensyarah atau 1 tahun sebagai *postdoc* di UniMAP, bergantung kepada kekosongan jawatan di universiti.
- (g) Bagi pelajar yang tidak menunjukkan prestasi yang baik, pelajar tersebut boleh meneruskan pengajian Ph.D tetapi tidak akan dilantik sebagai GA MyBrain15 pada tahun berikutnya namun pelajar tersebut masih perlu berkhidmat di UniMAP selepas mendapat Ph.D:

- (i) Sebagai pensyarah (bergantung kepada kekosongan jawatan) bagi tempoh lantikan beliau sebagai GA MyBrain15
atau
- (ii) Sebagai *postdoc* selama 1 tahun atau ½ dari tempoh lantikan (yang mana lebih pendek).
- (h) Pelajar yang gagal atau menamatkan pengajian atau ditamatkan pengajian perlu membayar balik jumlah bantuan kewangan yang telah digunapakai termasuk 5% kos pentadbiran.

2. SYARAT LANTIKAN

- (a) Ditawarkan hanya kepada pelajar Doktor Falsafah yang berdaftar atau calon yang memohon untuk mengikuti pengajian Doktor Falsafah secara sepenuh masa di UniMAP.
- (b) Tidak menerima sebarang bentuk kewangan (biasiswa atau tajaan) daripada mana-mana pihak.
- (c) Mempunyai ijazah sarjana atau ijazah sarjana muda kelas pertama dalam bidang kejuruteraan atau setaraf daripada universiti yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang setara yang diiktiraf oleh Senat Universiti.
- (d) Warganegara Malaysia yang berumur tidak melebihi 30 tahun.

3. TERMA PERMOHONAN DAN LANTIKAN

- (a) Permohonan adalah terbuka sepanjang tahun kepada pelajar yang telah mendaftar atau calon yang memohon untuk mengikuti pengajian di peringkat Ph.D di UniMAP. **Borang permohonan boleh dihantar bersama dengan borang permohonan ijazah tinggi.**
- (b) Borang permohonan boleh didapati di laman web PPS UniMAP (<http://cgs.unimap.edu.my>). Hanya borang permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.
- (c) Tempoh lantikan adalah secara tahunan dan boleh dipanjangkan sehingga **3 tahun bagi ijazah Doktor Falsafah** berdasarkan prestasi kemajuan.

- (d) Urusan pemilihan pelajar dan segala urusan yang berkaitan dengan program Pembantu Siswazah (GA) MyBrain15 ini adalah tanggungjawab Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan dibantu oleh pusat-pusat pengajian dan pusat tanggungjawab lain yang berkaitan.

4. PENAMATAN BIASISWA

Skim Bantuan Tambahan Kewangan Untuk Pembantu Siswazah (GA) khusus untuk program MyBrain15 ini adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Ijazah Tinggi Universiti (JITU), UniMAP dan sekiranya didapati bahawa maklumat yang diberikan tidak benar, pihak UniMAP berhak menamatkan bantuan skim tersebut dan sekiranya pelajar menerima bantuan kewangan lain dalam tempoh lantikan GA, pelajar perlu membayar keseluruhan jumlah wang yang telah diterima dalam tempoh tersebut.